

TINJAUAN DAN ANALISA KANDUNGAN TEKS KHUTBAH JUMAAT TERBITAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH (JHEAIK)

KAMSANI BIN MD. SAAD

kms1973@yahoo.com

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Kedah

ABSTRAK

Dakwah harus dilakukan melalui pelbagai cara. Salah satu bentuk dakwah melalui ibadat khusus untuk kaum lelaki Muslim ialah Khutbah Jumaat, kerana ia merupakan satu medium dakwah bersifat mingguan yang disampaikan oleh khatib di atas mimbar berbentuk nasihat atau pesanan agama. Peranan khutbah telah mengalami perkembangan dari masa ke semasa dan seringkali dijadikan isu penting dibincang dan diperdebatkan. Antaranya isu yang ditimbulkan oleh pendengar khutbah terhadap khatib ialah mereka dianggap sekadar membaca teks khutbah tanpa mempedulikan matlamat pendengar yang memerlukan mesej yang jelas, isi khutbah yang efektif dan tidak mengelirukan terhadap maksud intipati khutbah. Persoalannya, sejauh manakah keberkesanan khutbah yang disampaikan oleh khatib selain faktor bantuan alat pembesar suara serta peralatan multimedia dalam menyampaikan mesej agama benar-benar berkesan kepada hadirin? Seringkali terjadi ramai dalam kalangan hadirin tidak mampu untuk fokus sepanjang berlangsungnya khutbah Jumaat. Hasilnya, hadirin tidak dapat menghayati intipati khutbah yang dibacakan. Maka tidak tercapailah objektif khutbah iaitu untuk menyebarkan dakwah kepada umat Islam secara amnya. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji isi kandungan sampel teks khutbah berdasarkan kerangka teori penganalisan kandungan (*content analysis*) melalui bidang pengucapan awam oleh Lucas (2012). Penganalisan dijalankan terhadap sampel teks khutbah sepanjang bulan Januari 2021 yang dimuatnaik dari laman sesawang Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK). Hasil kajian yang bakal diperolehi mampu menyelesaikan masalah berkaitan kualiti penulisan teks khutbah Jumaat yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan dalam memastikan keberkesanan penyampaian khutbah akan lebih efektif kepada emosi, rohani dan perubahan sikap yang positif dalam kalangan pendengar khutbah Jumaat.

Kata kunci: Analisa Kandungan, Khatib, Khutbah Jumaat, JHEAIK

1. Pengenalan

Solat Jumaat merupakan ibadat yang memiliki pelbagai keistimewaan yang tersurat dan yang tersirat sehingga menyebabkan ia sangat penting didirikan oleh umat Islam. Ia bukan sahaja satu bentuk ibadat khusus dari seorang hamba kepada Tuhannya, bahkan ia merupakan satu perjumpaan mingguan yang memberikan faedah yang besar kepada masa depan umat Islam sama ada di dunia mahupun di akhirat. Mendengar khutbah merupakan suatu kemestian dan syarat sah bagi sesuatu solat Jumaat yang didirikan dan ia merupakan kemuncak kepada ibadat solat Jumaat. Jelasnya, khutbah Jumaat merupakan satu medium dakwah yang dikhususkan untuk para lelaki Muslim di atas dasar ia merupakan salah satu syarat bagi ibadat fardhu solat Jumaat.

Dari perspektif komunikasi, khutbah Jumaat merupakan sebuah kegiatan komunikasi yang memiliki potensi yang sangat besar digunakan sebagai saluran dalam menyampaikan ajaran-ajaran agama Islam yang perlu difahami dan diketahui oleh pendengar (Yusuf Hamdan, 2007). Khutbah Jumaat juga dilihat sebagai komunikasi massa kerana jumlah sasaran pendengarnya adalah sangat ramai kerana ia melibatkan seluruh masjid-masjid di setiap negara. Menurut Effendy (1997), khutbah Jumaat masa kini belum boleh dianggap sebagai satu medium komunikasi massa yang efektif bagi umat Islam kerana terdapat beberapa masalah pada

beberapa faktor seperti faktor khatib sebagai penyampai, faktor isi kandungan khutbah (*message*) dan juga kualiti saluran (*channel*). Ketiga-tiga faktor ini amat penting dalam penyampaian sesebuah ucapan seperti khutbah. Nor Raudah Siren (2009) menyatakan bahawa di Malaysia, teks khutbah disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Negeri untuk dibaca oleh khatib atau khatib sendiri yang menuliskannya. Ini dilakukan bagi tujuan mengawal isi kandungan khutbah supaya tidak menyentuh isu-isu politik serta mengawal isu-isu sensitif budaya perkauman.

Jabatan Agama Islam Negeri bagi setiap negeri telah menetapkan garis panduan dalam penulisan teks khutbah. Panduan Teks khutbah keluaran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) juga disediakan oleh para penulis khutbah yang dilantik secara rasmi untuk menghasilkan penulisan dan pengurusan penerbitan teks khutbah di negeri Kedah. Terdapat beberapa garis panduan tentang cara menulis khutbah iaitu, ciri-ciri dan kaedah yang perlu dipatuhi oleh penulis untuk menjamin kualiti teks khutbah. Walaupun usaha JHEAIK sangat baik serta dikira proaktif sebagai memudahkan para khatib berkhotbah melalui teks khutbah yang disediakan secara berkala, namun begitu terdapat beberapa kekurangan dalam penyusunan struktur teks tersebut yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan kualiti penuliskannya dari semasa ke semasa.

Menurut Burhanuddin Abdul Jalal (1997), berdasarkan perspektif Nabi Muhammad SAW, terdapat empat ciri khutbah yang penting iaitu, dari segi isi, bahasa, teknik penyampaian dan jangka masa penyampaian khutbah itu. Sebuah isi kandungan teks sangat penting kerana fokus terletak kepada mesej yang ingin disampaikan. Jika seseorang penyampai itu mahir dalam berkata-kata, jelas pertuturannya serta singkat masa ucapannya, masih tidak menjamin keberkesanan mesej itu untuk disampaikan. Ini adalah kerana struktur mesej yang ingin disampaikan memainkan peranan yang penting untuk para pendengar memahami mesej teks itu. Fripp (2013) menyatakan bahawa dalam sesebuah pengucapan awam, perlu ada struktur yang tersusun supaya para pendengar mampu memberikan tumpuan serta memahaminya bagi mempermudahkannya untuk mengingati apa yang telah didengari.

2. Pernyataan Masalah

Khutbah Jumaat dilihat sebagai satu platform untuk memperelajari sesuatu yang baru mengenai perihal agama Islam. Malah mendengar khutbah merupakan suatu kemestian dan syarat sah bagi sesuatu solat Jumaat yang didirikan. Demi memastikan setiap ungkapan yang dibaca oleh khatib didengar serta difahami oleh hadirin dengan baik, maka Rasulullah SAW telah melarang hadirin yang berada di masjid dari melakukan ibadat-ibadat sunat seperti bertasbeeh atau membaca Al-Quran agar mereka tidak terlepas dari mendengar khutbah yang dibacakan. Para hadirin yang tidak mendengar khutbah dengan baik dan sibuk bercakap-cakap sesama sendiri atau bergurau-senda, maka ia bukan sahaja tidak dapat menghayati apa yang disampaikan oleh khatib, bahkan solat Jumaatnya juga penuh dengan kecacatan dan tidak sempurna atau tidak mendapat sebarang pahala yang diperuntukkan. Justeru, Allah SWT menggesa agar apabila khutbah disampaikan, maka hendaklah para pendengar diam dan menumpukan perhatian terhadap khutbah tersebut. Firmah Allah SWT dalam surah Al-A'raaf ayat 204 dengan maksudnya: "*Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan ia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat*".

Terdapat segelintir hadirin yang hadir ke masjid ketika solat Jumaat mengambil kesempatan untuk tidur dan kadangkala mereka tidak berniat untuk tidur pun, tetapi turut sama dibuai mimpi gara-gara khutbah yang membosankan atau tidak difahami dengan jelas akan isi

kandungannya. Jelasnya, mereka tidak fokus mendengar isi khutbah yang disampaikan kerana bosan untuk mendengarnya. Ada di antara mereka yang berbual-bual tanpa mempedulikan apa yang khatib sampaikan kerana mereka merasakan bahawa tidak ada sesuatu yang menarik untuk didengari daripada kandungan khutbah tersebut. Walaupun ucapan khutbah secara puratanya dapat diselesaikan dalam tempoh kurang daripada 20 minit, namun para hadirin masih mempunyai masalah untuk memberi fokus kepada isi kandungannya. Hasilnya, hadirin tidak dapat menggarap intipati khutbah yang telah disampaikan. Maka tidak tercapailah objektif khutbah iaitu menyebarkan dakwah dan pendidikan agama kepada umat Islam.

3. Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisa teks khutbah Jumaat berdasarkan kerangka teori penganalisan kandungan (*content analysis*) pengucapan awam oleh Lucas (2012) terhadap:

- i. kandungan pengenalan teks khutbah
- ii. kandungan badan teks khutbah
- iii. kandungan penutup teks khutbah

4. Metodologi Kajian

Metodologi yang digunakan untuk menganalisa teks khutbah ialah dengan menganalisa terhadap kandungan (*content analysis*) lima sampel teks khutbah bagi bulan Januari 2021 yang dimuatnaik dari laman sesawang Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK). Frekuensi atau kekerapan elemen-elemen pengucapan awam yang efektif disenaraikan untuk dianalisa menggunakan ‘*coding sheet*’ yang khusus berdasarkan kerangka teori penganalisan kandungan (*content analysis*) pengucapan awam oleh Lucas (2012). Sebanyak lima sampel teks khutbah Jumaat telah dipilih untuk dianalisa. Bahan kajian ini telah diakses oleh pengkaji pada 4 Februari 2021, melalui alamat URL <https://dakwahjheaik.wixsite.com/home>. Jadual 1 berikut memaparkan lima tajuk teks khutbah Jumaat berserta tarikh yang dijadikan sampel untuk dianalisa melalui kajian ini.

NO	TAJUK KHUTBAH	TARIKH KHUTBAH
1	Ketaatan Menjamin Keamanan	01 Januari 2021
2	Tujuan Dan Matlamat Pendidikan Anak-anak	08 Januari 2021
3	Hakikat Sebuah Kehidupan	15 Januari 2021
4	Bila Kata Diikat Janji Disepakati	22 Januari 2021
5	Akhlahk Terpuji, Kehidupan Sejahtera	29 Januari 2021

Jadual 1 : Jadual Khutbah Jumaat keluaran JHEAIK bulan Januari 2021

5. Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa sebab mengapa kajian ini perlu dijalankan iaitu yang pertama, untuk menambah baik struktur penulisan khutbah supaya mesej yang mengandungi ajaran-ajaran Islam dapat disampaikan secara efektif kepada para hadirin. Kedua, untuk mempermudah para pendengar memahami serta menghayati mesej yang disampaikan melalui khutbah. Ketiga,

untuk meninjau sejauh mana keberkesanan mesej yang bakal disampaikan dalam kandungan khutbah berkaitan. Maka, struktur kandungan teks khutbah adalah wajar dijadikan isu kajian dan ia wajar diberi penekanan bagi memastikan komunikasi ucapan khutbah adalah efektif berdasarkan kerangka teori yang didasari kepada bidang kesenian pengucapan awam.

6. Tinjauan Literatur

Khutbah Jumaat merupakan satu bentuk teks ucapan yang diberikan autoriti oleh Majlis Agama Islam setiap negeri untuk dibacakan oleh para khatib yang dipertanggungjawabkan. Mengetahui akan kepentingan setiap bahagian struktur penulisan dalam teks ucapan, maka teks khutbah Jumaat perlu diolah dengan baik agar maksud dan objektif yang ingin disampaikan dapat diterima dan dihayati oleh hadirin yang mendengarnya. Namun masih ramai penulis khutbah yang kurang arif terhadap apa yang diperlukan bagi menghasilkan khutbah yang berkesan kepada jiwa pendengar. Menurut Hynes (2011), terdapat tiga elemen terpenting dalam kandungan teks ucapan yang diambil kira, didahului dengan perenggan pendahuluan, diikuti dengan badan teks dan diakhiri dengan penutup. Sebagai menjelaskan perkara ini, maka huraian yang terperinci dijelaskan sepertimana perkara-perkara berikut:

6.1 Perenggan Pendahuluan

Elemen pertama yang penting bagi penyedia sesuatu teks ucapan termasuk teks khutbah ialah 'perenggan pendahuluan'. Pendahuluan yang lemah atau kurang menarik pastinya menjadikan para pendengar hilang tumpuan dan tidak mengendahkan diri untuk menghayati ucapan yang disampaikan. Menurut Lucas (2012), pendahuluan yang baik mempunyai empat objektif (1) menggapai perhatian dan minat para pendengar, (2) mengenengahkan topik yang bakal disampaikan, (3) kredibiliti penceramah yang dibentuk bagi tujuan menjalinkan hubungan komunikasi yang baik dengan pendengar, dan (4) menerangkan gambaran awal tentang kandungan badan teks.

Justeru, perenggan pendahuluan yang baik dimulakan dengan (1) cetusan ungkapan yang berupaya menarik perhatian pendengar, diikuti (2) tujuan khusus dan tujuan umum teks yang ingin disampaikan, diikuti (3) idea utama (*central idea*) tentang apa yang terkandung di dalam teks. Walaupun tiga langkah ringkas ini kelihatan mudah, namun cabaran bagi sebahagian penulis teks khutbah adalah untuk mengenalpasti teknik yang mampu menarik perhatian dan minat pendengar untuk memberikan tumpuan kepada khutbah yang disampaikan.

Antara beberapa cadangan bagi para penulis teks ucapan dalam aspek mencetuskan ilham penulisan yang mampu menarik minat pendengar, Lucas (2012) mencadangkan tujuh teknik yang berkesan serta bersesuaian dengan gaya penulisan teks khutbah iaitu, yang pertama, mengaitkan topik yang ingin disampaikan menyentuh isu kehidupan yang berkaitan diri pendengar khutbah Jumaat. Hadirin akan lebih berminat untuk mendengar dan memberi perhatian, sekiranya mereka merasakan topik yang disentuh mempunyai kaitan dengan diri mereka. Kedua, menjelaskan kepentingan topik yang ingin disampaikan. Lazimnya setiap penulis merasakan setiap kandungan teks penulisannya yang digarap adalah penting, maka memberitahu hadirin betapa pentingnya isu yang bakal mereka terima untuk tempoh 5 ke 8 minit akan mencetuskan perhatian mereka untuk mendengar secara serius.

Teknik yang ketiga, memulakan teks dengan membuat hadirin tergamam atau tersentak dengan fakta yang disampaikan sebagai contoh, isu berkaitan pergolakan yang berlaku di Palestin, penulis mula untuk mengingatkan hadirin tentang insan-insan yang amat mereka sayangi, dan memberi gambaran mereka untuk membayangkan jika insan-insan ini dikasari, dirogol atau

dibunuh dihadapan mata. Kemudian susuli beberapa fakta ringkas tentang apa yang berlaku di Palestin. Pastinya, teknik ini mampu menarik perhatian hadirin untuk terus mendengarnya.

Teknik yang keempat, penulis boleh mengajukan beberapa ayat berbentuk persoalan progresif bagi meningkatkan tahap ingin tahu dalam kalangan hadirin. Setiap ungkapan ayat ini sebenarnya menarik perhatian hadirin untuk terus mendengar bagi mengetahui apa selanjutnya. Sesetengah penulis atau penceramah berjaya dengan teknik ini untuk menarik minat orang ramai. Teknik yang kelima seakan sama dengan teknik sebelum ini, iaitu mengajukan soalan-soalan berbentuk retorik kepada hadirin. Mungkin memadai dengan mengajukan satu soalan menarik yang mampu menarik minat hadirin. Adakalanya satu rangkai atau siri soalan yang menarik mampu menarik minat hadirin untuk terus mendengar dengan minda yang aktif.

Melalui teknik keenam Lucas (2012) mencadangkan supaya memulakan teks ucapan dengan memetik sesuatu ungkapan dari kata-kata seorang tokoh, pakar mahupun cendekiawan terkenal. Teknik yang ketujuh, iaitu menyampaikan teks dengan didahului beberapa cerita atau kisah yang berunsur dramatik, penuh kejutan, mahupun provokatif. Namun begitu, apa pun teknik yang diguna pakai, terlebih dahulu penulis khutbah perlu mengesan siapa hadirin yang bakal mendengar ucapan tersebut (Hynes, 2011). Bergantung kepada kriteria kelompok sasaran pendengar, seperti umur, pekerjaan, latar belakang tahap pendidikan, pekerjaan dan seumpamanya.

Setelah teknik-teknik tersebut digarap ke dalam sesuatu penulisan teks ucapan, maka penulis mampu mencetuskan minat para pendengar dengan menjadikan pendahuluan teks ucapan menyatakan tujuan khusus atau tujuan umum khutbah dengan jelas kepada pendengar. Hadirin perlu diberitahu akan apa tujuan khutbah yang bakal mereka dengari, supaya minda mereka kekal aktif dan mempunyai keinginan untuk terus mendengarnya. Menurut Lucas (2012), tujuan umum matlamat sesuatu ucapan adalah untuk menyampaikan maklumat ataupun memujuk pendengar supaya bersetuju (atau bertindak melakukan sesuatu). Tujuan khusus pula ialah, ayat yang menyatakan secara tepat sesuatu tujuan atau matlamat yang ingin dicapai oleh penceramah melalui ucapan mereka adalah seperti contoh berikut:

- Tujuan umum : Untuk memberitahu
- Tujuan khusus : Untuk memberitahu orang ramai akan bahaya dadah

- Tujuan umum : Untuk memujuk / menyeru
- Tujuan khusus : Untuk menyeru orang ramai untuk hidup berlandaskan sunnah

Selain itu, elemen yang perlu wujud dalam pendahuluan teks ucapan adalah, idea utama (*central idea*) yang akan dikongsi bersama dalam keseluruhan isi khutbah. Idea utama merupakan ayat secara ringkasnya menjelaskan apa yang bakal diperkatakan sepanjang sesuatu ucapan (Lucas, 2012), contohnya:

- Tujuan umum : Untuk memberitahu
- Tujuan khusus : Untuk memberitahu orang ramai tentang bahaya dadah
- Idea utama : Seperti diketahui umum dadah adalah perosak bangsa, ia bukan sahaja memudaratkan kesihatan, malah menjurus kepada permasalahan sosial.

Dengan pendahuluan yang baik, maka hadirin sudah pasti bersedia untuk mendengar secara aktif terhadap isu yang ingin dikupas oleh khatib sebagai satu bentuk set induksi terhadap badan teks ucapan yang selanjutnya.

6.2 *Badan Teks Ucapan*

Elemen kedua terpenting bagi sesuatu teks ucapan ialah 'badan teks'. Perkara pertama yang perlu diambil perhatian padanya ialah jaringan susun atur pada isi-isi penting dan perkara kedua berkaitan ayat penghubung pada sesuatu perenggan dengan perenggan yang lain. Berikut dinyatakan penjelasan lanjut tentang dua perkara penting ini.

6.2.1 Susun atur isi penting – Badan teks khutbah perlu disusun dengan teratur bagi memudahkan pendengar untuk memahami dan mengikuti dengan jelas isu yang cuba disampaikan oleh khatib. Kajian lalu merumuskan bahawa susun atur kandungan yang jelas adalah sangat penting untuk menghasilkan pengucapan awam yang berkesan. Setelah isi penting dikenal pasti, cara penyusunan isi tersebut perlu ditentukan dengan cara yang paling mudah untuk difahami pendengar.

Lucas (2012) menjelaskan beberapa kaedah untuk menyusun isi penting di dalam badan teks ucapan. Antaranya ialah, susunan mengikut:

- (1) kronologi,
- (2) ruang atau berbentuk pandu arah,
- (3) hubung kait sebab dan akibat,
- (4) hubung kait masalah dan penyelesaian, dan yang terakhir
- (5) susunan mengikut topik atau kriteria tertentu.

Susun atur isi penting di dalam badan teks ucapan dipilih mengikut kesesuaian bergantung kepada topik ataupun isu yang ingin disampaikan,. Pertama, susunan mengikut kronologi bermaksud susun atur isi penting mengikut susunan peristiwa (kejadian) menurut masa berlakunya peristiwa berkenaan (DBP, 2013). Penceritaan berkaitan sejarah para Nabi lebih sesuai menggunakan susur galur berdasarkan kronologi, bermula dengan zaman kanak baginda, diikuti zaman remaja, dan mungkin diakhiri dengan peristiwa penting ketika baginda dewasa.

Kedua, susun atur berbentuk pandu arah akan memudahkan pendengar untuk menggambarkan secara visual melalui sesuatu cerita yang diterima oleh telinga dan minda. Menurut Lucas (2012), isi penting diatur mengikut satu arah yang mudah difahami seperti contoh, dari kiri ke kanan, dari atas ke bawah, dari utara ke selatan, contohnya perkongsian pengalaman yang ditempuhi sepanjang perjalanan dari Perlis (Utara) ke Melaka (Selatan) dengan menaiki motorsikal.

Sesetengah teks ucapan akan menjadi lebih menarik sekiranya ia disusun mengikut hubung kait sebab dan akibat. Dengan menggunakan kaedah ini, penulis teks dapat menghasilkan sekurang-kurangnya dua isi penting, iaitu sebab dan akibat. Terpulang kepada penulis sama ada untuk memulakan badan teks dengan sebab mahupun akibat.

Menurut Lucas (2012), teks ucapan akan lebih menarik jika ia disusun mengikut hubung kait masalah dan penyelesaian. Justeru, gaya penulisan perlu dimulakan dengan menjelaskan kepada pendengar, betapa besarnya atau seriusnya masalah yang ada mahupun bakal terjadi, agar hadirin merasai permasalahan tersebut. Seterusnya, menyarankan penyelesaian yang diyakini mampu menyelesaikan masalah tersebut.

Gaya susunan yang kelima bagi menyusun isi penting iaitu ia perlu mengikut berdasarkan sesuatu topik (sub-topik atau kriteria). Bagi kaedah ini, penulis perlu mengenalpasti isi penting yang ingin dijadikan sub-topik terlebih dahulu serta memastikan ia tidak mengikut gaya susunan yang lain. Ini bertujuan mengelakkan kekeliruan terhadap hadirin. Teknik ini boleh

digunakan untuk ucapan (khutbah) yang berbentuk informatif bagi bertujuan meyakinkan (*persuasive*) para hadirin (Lucas, 2012).

Setelah memahami lima kaedah penyusunan isi penting dalam badan teks ucapan (khutbah), maka elemen kedua yang penting selanjutnya ialah ayat penghubung atau pun perenggan penghubung.

6.2.2 Penghubung – Penghubung adalah ungkapan atau ayat yang menyambung dari satu idea ke idea yang seterusnya menjelaskan hubungan antara kedua-dua idea tersebut (Lucas, 2012). Tanpa penghubung, teks ucapan akan menjadi tidak teratur dan pendengar tidak dapat menikmati atau memahami ucapan dengan lancar dan jelas. Lucas (2012) menyenaraikan empat jenis penghubung yang boleh digunakan untuk meningkatkan kualiti teks ucapan, (1) peralihan (*transitions*), (2) pratonton secara dalaman (*internal previews*), (3) rumusan dalaman (*internal summaries*), dan akhir sekali (4) tanda petunjuk (*signposts*). Namun begitu, bagi tujuan teks khutbah, memadai dua penghubung seperti peralihan (*transitions*) dan tanda petunjuk (*signposts*) boleh digunakan sebagai penghubung idea disebabkan faktor kekangan masa dan topik yang ditentukan terhadap sesuatu teks khutbah Jumaat.

Penghubung yang berbentuk peralihan (*transitions*) merupakan suatu ungkapan atau frasa yang menunjukkan seseorang penceramah (khatib) sudah selesai menjelaskan satu hujah dan akan beralih ke hujah yang berikutnya (Lucas, 2012), contohnya, penulis khutbah menulis “*Hadirin yang dimuliakan Allah SWT, setelah memahami bahaya dadah, marilah kita bersama-sama mengenal pasti cara membasmi dadah di kawasan kita*”. Ayat yang pertama merupakan petanda bahawa hujah pertama selesai disampaikan, manakala ayat kedua cuba memberitahu pendengar apa yang akan disampaikan selepas ini.

Tanda petunjuk (*signposts*) pula merupakan penghubung yang paling mudah untuk dikenalpasti oleh para pendengar. Ia merupakan kenyataan ringkas yang menandakan di mana para pendengar berada dalam konteks ucapan (khutbah). Kebiasaannya ia dinyatakan dalam bentuk nombor (Lucas, 2012), contohnya:

“*Tanggungjawab sebagai seorang Muslim di dalam masyarakat pelbagai kaum boleh dibahagikan kepada 3:*

Yang pertama, ...	<i>(isi penting pertama dan penjelasan lanjut)</i>
Yang kedua, ...	<i>(isi penting kedua dan penjelasan lanjut)</i>
Yang ketiga, ...	<i>(isi penting ketiga dan penjelasan lanjut)</i> “

Ada kalanya tanda petunjuk yang dinyatakan oleh khatib akan beralih dari satu hujah ke hujah berikutnya dengan mengajukan sesuatu persoalan kepada hadirin. Adakalanya, dengan mengajukan soalan sebagai tanda petunjuk merupakan kaedah yang efektif, kerana soalan yang diajukan membentuk pemprosesan jawapan secara separa sedar kepada pendengar. Sebagai contoh:

Apakah bahaya dadah kepada diri sendiri dan masyarakat? Dadah seperti diketahui ...
(diteruskan dengan jawapan kepada persoalan)
Makanya, apakah cara untuk membasmi gejala dadah di kawasan kita? Kita perlu ...
(diteruskan dengan jawapan kepada persoalan)

Setelah selesai membentangkan setiap hujah dan disokong dengan kenyataan-kenyataan berdasarkan fakta, sejarah, Hadith mahupun petikan ayat al-Quran, maka tibalah masanya khutbah dirumuskan dan dibuat kesimpulan pada perenggan terakhir khutbah iaitu ‘penutup teks’.

6.3 Penutup Teks Ucapan

Setiap teks ucapan perlu diakhiri dengan penutup, dan tujuan utama penutup adalah untuk (1) memberitahu pendengar bahawa sesuatu ucapan sudah memasuki fasa penghujung serta akan berakhir dan (2) sebagai penegasan terhadap pemahaman atau komitmen dari idea utama yang telah disampaikan (Lucas, 2012).

Menurut Lucas (2012), penutup yang baik perlu dilengkapi dengan sesuatu petunjuk bahawa ucapan telah tiba ke penghujungnya. Pengakhiran ucapan secara tiba-tiba atau mengejut, membuat pendengar tertanya-tanya, dan merasakan kehendak mereka tidak dipenuhi. Kebiasaannya, penutup sebegini dimulakan dengan “*Kesimpulannya...*”, “*Mimbar mengakhiri khutbah hari ini...*”, sebagai penunjuk kepada hadirin, bahawa ucapan (khutbah) akan berakhir tidak lama lagi. Penunjuk seperti ini, membuat pendengar berasa bersedia untuk penggulungan atau kesimpulan hujah-hujah yang telah didengari.

Bagi kajian konteks khutbah Jumaat, penutup yang baik perlu dibuat satu kesimpulan atau ringkasan bagi merumuskan isu utama yang telah disampaikan. Ini bertujuan mengingatkan semula hadirin tentang isi-isi penting atau hujah yang telah didengari mereka. Adalah sesuatu yang mengecewakan sekiranya isi khutbah yang disampaikan tidak mampu diingati atau tidak memberi kesan perubahan yang positif ke dalam jiwa para hadirin.

7. Dapatan Kajian

Terdapat tiga bahagian utama yang perlu diberi perhatian terhadap kandungan teks khutbah berdasarkan kriteria, komponen dan strategi pada (1) perenggan pengenalan, (2) badan khutbah, dan yang terakhir (3) perenggan penutup. Jadual 2, menjelaskan keterangan berkaitan perkara tersebut. Untuk itu, analisa kandungan dijalankan dengan mencatatkan frekuensi atau kekerapan elemen-elemen pengucapan umum yang efektif untuk dianalisa dalam ‘*coding sheet*’ yang khusus berdasarkan kepada kerangka teori penganalisan kandungan (*content analysis*) pengucapan awam oleh Lucas (2012).

Kriteria	Khutbah 1	Khutbah 2	Khutbah 3	Khutbah 4	Khutbah 5
Penggunaan bahasa yang bersesuaian dengan kefahaman hadirin	Bahasa mudah difahami	Bahasa mudah difahami	Bahasa mudah difahami	Bahasa mudah difahami	Bahasa mudah difahami
Pilihan topik yang bersesuaian dengan isu setempat atau berkaitan rencah kehidupan semasa.	Sesuai	Sesuai	Sesuai	Sesuai	Sesuai
Pendahuluan					
Penarik perhatian	Ada	Tiada	Tiada	Tiada	Ada
Tujuan umum / spesifik	Tidak wujud	Umum	Tidak wujud	Umum / Spesifik	Umum / Spesifik
Idea utama	Jelas	Jelas	Jelas	Jelas	Jelas
Badan teks					

Aturan strategik (Kronologi, ruang, hubung kait sebab dan akibat, hubung kait masalah dan penyelesaian, susunan mengikut topik)	Aturan strategik yang utuh dari semua aspek	Tidak utuh dari aspek hubung kait masalah dan penyelesaian	Tidak utuh dari aspek hubung kait masalah dan penyelesaian	Tidak utuh dari aspek hubung kait masalah dan penyelesaian	Tidak utuh dari aspek hubung kait masalah dan penyelesaian
Penghubung (Peralihan atau penunjuk)	Ada	Ada	Ada	Ada	Ada
Penutup					
Petanda bagi pengakhiran teks ucapan	Tidak ada	Ada	Tidak ada	Tidak ada	Tidak ada
Rumusan isi penting atau Seruan / saranan untuk hadirin	Ada	Ada	Terlalu ringkas	Ada	Ada

**Jadual 2: Analisa Kandungan (*Content Analysis*) Khutbah Jumaat
keluaran JHEAIK bulan Januari 2021**

Melalui analisa pertama, kandungan khutbah dinilai dari aspek penggunaan bahasa sama ada bersesuaian dengan aras hadirin atau pun tidak. Penggunaan bahasa yang sesuai adalah kriteria utama yang mampu menarik minat pendengar serta menjadi faktor utama dalam memastikan kefahaman mereka terhadap khutbah yang disampaikan oleh khatib. Analisa yang dijalankan ke atas kelima-lima khutbah dari aspek ini mendapati bahawa bahasa yang digunakan adalah mudah untuk difahami, dan bersesuaian dengan aras hadirin. Bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu yang mudah, mampu difahami dari tahap pendidikan rendah sehinggalah ke tahap yang lebih tinggi.

Analisa kedua menumpukan kepada aspek pemilihan topik yang disampaikan, sama ada ia bertepatan dengan isu setempat atau secara umumnya bersesuaian dengan realiti kehidupan para hadirin. Hasil analisa mendapati bahawa kesemua sampel teks khutbah menyentuh topik yang relevan dengan isu semasa, iaitu di saat kemelut wabak pandemik Covid19 sedang melanda dan dalam masa memberi peringatan kepada hadirin agar sentiasa menjaga keselamatan diri dari kes wabak yang kian meningkat. Khutbah 2 dan khutbah 5 tidak menyentuh isu wabak Covid19, namun ia menyentuh realiti kehidupan masyarakat masa kini iaitu berkaitan isu kepentingan mendidik anak-anak dan isu menjaga akhlak yang digariskan oleh agama Islam. Kelima-lima khutbah ini adalah bertepatan dengan isu semasa masa kini dan berkaitan dengan realiti kehidupan para hadirin.

Analisa seterusnya mengupas aspek gaya dan strategi yang diaplikasikan pada setiap bahagian utama teks khutbah Jumaat. Analisa dilakukan terhadap bahagian ‘pengenalan teks khutbah’. Sesuatu pengenalan ucapan yang baik perlu mempunyai tiga bahagian penting, iaitu (1) penarik perhatian, (2) menjelaskan tujuan umum atau khusus kepada hadirin, dan (3) menyatakan idea utama khutbah berkaitan. Pengkaji mendapati dua daripada lima sampel khutbah disertakan dengan permulaan yang mampu menarik perhatian pendengar iaitu pada sampel khutbah 1 dan 5, contohnya penulis membuka pengenalan dengan kaedah penceritaan yang memetik sejarah

peperangan Uhud dalam memberikan pengajaran yang amat besar kepada kita semua betapa ketaatan kepada pemimpin adalah sesuatu yang dituntut. Sampel 2 pula dimulai sekadar menceritakan senario ringkas anak-anak ketika tempoh cuti persekolahan. Hal ini tidak memberikan daya tarikan yang mampu mencuit tumpuan hadirin. Manakala sampel 3 tidak menampakkan set induksi yang khusus, tetapi ia mencampuradukkan pengenalan dan isi badan teks. Manakala sampel 4 sekadar memulakan pengenalan dengan menghuraikan definisi semata-mata. Berbeza dengan sampel 5 yang mampu memberikan impak yang positif kepada hadirin kerana penulis memulakannya dengan menghuraikan sebuah Hadith yang bebentuk ancaman serta azab pedih Neraka bagi mereka yang rosak akhlaknya.

Selain itu, terdapat dua komponen lain pada ‘pengenalan’ yang dikira penting iaitu penjelasan tujuan umum atau khusus dan pernyataan idea utama yang hendak ditampilkan sebagai isu khutbah. Kedua-dua komponen ini dikira penting supaya hadirin dapat mengetahui tujuan sebenar isu khutbah tersebut. Ini adalah sebagai persiapan minda hadirin untuk memproses maklumat yang bakal diterima dan membentuk motivasi mereka untuk terus fokus. Tidak wujud tujuan umum / spesifik pada pengenalan sampel khutbah 1 dan 3. Manakala sampel 2 hanya menyebut tujuan secara umum sahaja dalam pengenalannya. Hanya sampel 4 dan 5 sahaja yang menyebut secara jelas tujuan umum dan khusus dalam penegenalan khutbah mengenai isu khutbah yang ingin disampaikan selanjutnya. Dari aspek idea utama yang ditampilkan analisa mendapati bahawa kelima-lima sampel khutbah adalah jelas dan mudah difahami serta tidak mengelirukan atau mengaburi fokus para pendengar untuk menghayatinya.

Bahagian kedua yang amat penting selepas perenggan pengenalan ialah badan teks khutbah itu sendiri. Di sini terletaknya semua isi penting dan juga hujah yang ingin disampaikan. Dua komponen yang perlu diberi perhatian iaitu aspek aturan strategik hujah dan aspek penghubung dari satu hujah ke satu hujah yang lain. Tujuan kedua-dua komponen ini ialah untuk memudahkan pendengar memahami, menyusun maklumat secara kognitif, dan mengingati kembali hujah yang disampaikan. Analisa cuba mengesan aturan strategi yang diguna pakai oleh penulis teks khutbah, sama ada menggunakan strategi kronologi, ruang, hubung kait sebab dan akibat, hubung kait masalah dan penyelesaian, atau pun susunan mengikut topik. Penemuan mendapati bahawa aturan hujah di dalam sampel khutbah 2 sahaja tidak menggunakan aturan strategi kronologi dari aspek hubung kait masalah dan penyelesaian seperti pernyataan berikut:

“Ibu bapa bertanggungjawab menentukan hala tuju pendidikan dan kehidupan anak-anak dengan memberi kefahaman agar mereka dapat membina keseimbangan antara tuntutan kehidupan dunia yang sementara dengan kehidupan akhirat yang kekal selamanya.”

Berdasarkan ungkapan ayat ini, penulis tidak menyatakan apakah bentuk hala tuju pendidikan yang dimaksudkan dapat memberi kefahaman kepada anak-anak. Ungkapan sebegini tidak benar-benar memberikan solusi penyelesaian masalah yang utuh kepada hadirin.

Sebagai melancarkan aliran teks ucapan, ungkapan penghubung digunakan agar keterangan bagi satu hujah ke hujah yang berikutnya dapat disusun secara konsisten. Tanpa ungkapan penghubung, maka aliran dari hujah ke hujah akan tersangkut-sangkut dan boleh menyebabkan

perhatian pendengar menjadi tersasar (*detouring*) dari idea utama khutbah. Antara penghubung yang boleh digunakan dalam khutbah Jumaat ialah kata peralihan (*transitions*) dan juga kata penunjuk (*signposts*). Dapatan analisa menunjukkan bahawa kesemua sampel khutbah Jumaat memasukkan elemen penghubung dalam teks tersebut.

Komponen terakhir yang dianalisa di bahagian ‘penutup’ iaitu terhadap dua elemen penting, pertama ialah petanda pengakhiran teks khutbah dan kedua rumusan isi penting atau saranan khatib kepada pendengar. Berdasarkan analisa yang dibuat, hanya sampel khutbah 2 sahaja yang menyatakan dengan jelas petanda pengakhiran teks khutbah seperti ungkapan “*Sebagai akhirnya sebagai ingatan buat kita semua, mimbar ingin menyarankan agar kita...*”. Melalui analisa elemen terakhir, didapati sampel khutbah 3 hanya menjelaskan kesimpulan atau rumusan secara ungkapan yang terlalu ringkas hingga tidak memberi sebarang kesan kepada hadirin untuk cakna dengan isu yang telah dibawa di penghujung khutbah. Namun begitu, sampel khutbah selainnya telah menamatkan ungkapan yang berbentuk seruan atau saranan yang perlu dilakukan oleh hadirin berdasarkan isu utama yang dibawa dalam setiap khutbah tersebut.

8. Cadangan Dan Penutup

Realiti semasa memaparkan bahawa khutbah Jumaat di negara kita sering dipersoalkan kredibilitinya kerana kegagalannya tampil sebagai medan nasihat agama yang dihormati. Pelbagai komen dan rungutan disuarakan menggambarkan kepincangan peranan khutbah hari ini.

Pengkaji mendapati ada dua sebab utama menyebabkan khutbah Jumaat lebih banyak membuatkan pendengar mengantuk berbanding berfikir yang dikaitkan dengan cara teks itu ditulis dan dibacakan. Ucapan khutbah yang efektif bukan sahaja bergantung kepada teks khutbah semata-mata. Faktor lain seperti cara penyampaian khatib yang meliputi intonasi suara, bahasa badan termasuk juga elemen-elemen komunikasi bukan lisan (*non-verbal*). Faktor ini juga memberi impak yang besar kepada keberkesanan sesuatu ucapan khutbah yang disampaikan. Namun begitu, untuk kajian kali ini pengkaji hanya menumpukan kajian secara kualitatif melalui penganalisan kandungan (*content analysis*) teks khutbah keluaran JHEAIK.

Antara permasalahan yang lain yang ingin disentuh selain isi kandungan teks khutbah, antaranya berkaitan kredibiliti sebahagian khatib yang sekadar membaca teks khutbah tanpa mempedulikan pendengar, sehingga menyebabkan mesej khutbah tidak jelas, isi khutbah tidak efektif dan wujud kekeliruan pada maksud intipati khutbah. Sehubungan itu, penulisan teks khutbah perlulah diolah penggunaan ayatnya menjadi lebih berkualiti, malah khatib juga wajar diberi kebebasan untuk membacanya dengan gaya mereka tersendiri. Kandungan khutbah yang terikat di bawah kawalan Jabatan Agama Islam secara tidak langsung juga menjadikan khatib berfungsi seperti robot pembaca khutbah semata-mata. Setiap khatib pastinya memiliki gaya percakapan tersendiri. Khatib yang kreatif menggunakan lenggok mereka sendiri, pastinya akan lebih selesa ketika menyampaikan khutbah dengan lebih berkesan dalam menzahirkan ekspresi perasaan dalaman mereka.

Dalam isu lain, berdasarkan laman web rasmi pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, khutbah Jumaat berfungsi sebagai "*medium yang hendaklah berkisar sekitar pandangan Islam terhadap isu-isu yang berkaitan dengan umat Islam atau apa-apa isu yang relevan kepada masyarakat*". Bagi pengkaji, alangkah baik sekiranya khutbah Jumaat lebih kerap membawakan isu-isu yang dekat dengan kehidupan hadirin atau sesuatu kejadian yang berlaku dalam masa terdekat dalam bulan tersebut.

Sebagai langkah menambah baik peranan khutbah sebagai platform penyampaian mesej agama kepada hadirin secara mingguan, maka adalah disarankan agar kajian keberkesanan khutbah dapat dijalankan dengan melibatkan para hadirin sebagai responden bagi menampakkan hasil yang lebih jitu. Data hasil dari maklumbalas hadirin akan mampu memberikan input yang lebih jitu. Reaksi pendengar terhadap khutbah juga dapat dikesan, malah pengkaji dapat mengenalpasti apa yang diperlukan atau tidak diperlukan oleh mereka. Mengenal pasti persepsi pendengar khutbah sudah pasti mampu memberikan gambaran yang lebih jelas kepada para penulis khutbah tentang isu yang lazim diminati padara hadirin. Semoga khutbah Jumaat dapat memainkan peranannya yang penting dalam memberikan pedoman agama kepada umat Islam yang sentiasa berhadapan dengan isu-isu polemik semasa serta ia mampu menyelesaikan permasalahan realiti kehidupan insan yang sebenarnya.

9. Rujukan

Abdul Na'im Muhammad Khusnin (1984). *al-Da'wah Illallah 'Ala Bashirah*. Kaherah : Dar al-Kitab al-Masyri.

Al-Qur'an al-Karim

Burhanuddin Abdul Jalal. (1997, Julai 25). Membina konsep khutbah dinamik. *Berita Harian Online*.

DBP. (2020). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu - DBP*. Didperolehi pada Julai 20, 2020, daripada Pusat Rujukan Persuratan Melayu - DBP: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kronologi>

Eddy Rosyadie (2007). *Juara Pentas: Panduan Praktikal Pengucapan Awam*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Effendy, Onong Uchjana (1993). *Teori dan Filsafat Komunikasi*. Bandung: Citra Aditya Bakti

Fadzilah Kamsah (1991). *Membudayakan Kecemerlangan dalam Penyampaian Khutbah: Satu Kajian Kes di Negeri Pahang Darul Makmur*. Jurnal Komunikasi 7 (4): 37-46.

Fripp, P. (2020, Jun). *Want Your Audiences to Remember What You Say? Learn the Importance of Clear Structure*. Diperolehi pada Julai 20, 2020, daripada Fripp & Associates: <http://www.fripp.com/blog/want-your-audiences-to-remember-what-you-say-learn-the-importance-of-clear-structure/>

Hynes, D. E. (2011). *Managerial Communication*. New York: McGraw-Hill.

- JAIS (2013). *Garis Panduan Penulisan Khutbah Jabatan Agama Islam Selangor*. Selangor: JAIS.
- JHEAIK (2020). *Koleksi Bahan Terbitan JHEAIK*. Diperolehi pada Januari 5, 2021. <https://dakwahjheaik.wixsite.com/home>
- Lucas, S. E. (2012). *The Art of Public Speaking*. New York: McGraw-Hill.
- Muhammad Nashirudin (2002). *Pembahasan Mengenai Khutbah Juma'at*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Nor Raudah Siren. (2009, April 6). *Kuliah 13: Penulisan di Masjid*. Didapatkan Julai 20, 2013, daripada Penulis Da'ie: <http://penulisdaie.blogspot.com/2009/04/kuliah-13-penulisan-di-masjid.html>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2020). *Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Diperolehi pada Julai 19, 2020. <https://muftiwp.gov.my/>
- Yusuf Hamdan (2007). Karakteristik Khutbah Jumat di Mesjid Kampus: Perspektif Komunikasi. *Jurnal Komunikasi Mediator* 8 (2): 353-368.